



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KENYATAAN MEDIA

RM9.221 JUTA POTENSI JUALAN PADANIAGA BERJAYA DICATATKAN DI SHOWCASE SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI) WILAYAH SELATAN

JOHOR BAHRU, 23 JUN 2024- Sejumlah RM9.221 juta potensi jualan PADANIAGA telah berjaya dicatatkan, melepasi sasaran awal iaitu sebanyak RM1 juta sepanjang penganjuran Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Wilayah Selatan dan Festival Keusahawanan Maju Johor 2024 yang berakhir hari ini. Aktiviti ini melibatkan penyertaan enam (6) pasar raya terkemuka seperti Lotus's Malaysia, Segi Fresh, Mydin, Mari Mart, MyGallore dan Petronas Mesra.

Majlis perasmian Showcase SDSI Wilayah Selatan dan Festival Keusahawanan Maju Johor 2024 telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. YB Datuk Ewon dalam ucapannya berkata, "KUSKOP akan terus komited untuk meneruskan program showcase ini sebagai pemangkin dalam meningkatkan imej produk serta perkhidmatan SDSI agar produk-produk ini bukan sahaja "jaguh" di rantau ini, tetapi juga mendapat tempat dan permintaan tinggi di peringkat antarabangsa".

Di majlis yang sama, turut diadakan upacara penyerahan cek pembiayaan perniagaan kepada 389 usahawan berjumlah RM25.736 juta.

Penganjuran SDSI ini selaras dengan Teras Strategik Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 iaitu mengoptimumkan sistem kawal selia dan capaian kepada pembiayaan kewangan dan memantapkan keupayaan serta prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Seramai 30 usahawan SDSI dari Johor dan Melaka serta 30 usahawan PMKS, dua koperasi Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) dan lima usahawan *Food Truck* daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) terlibat dalam Showcase SDSI Wilayah Selatan.

Selain itu, pelbagai sesi perkongsian maklumat oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP turut diadakan bagi memudahkan usahawan mendapat akses kepada peluang pembiayaan serta pengisian aktiviti lain seperti Jualan MADANI Usahawan dan Koperasi (JMKU) yang menawarkan diskaun sehingga 20% bagi barangan keperluan harian sebagai tarikan para pengunjung dalam memeriahkan program ini.

Bertempat di Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru, program selama 3 hari ini dianjurkan oleh KUSKOP dengan kerjasama Bahagian Perancang Ekonomi Negara (BPEN) Johor, Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Melaka dan Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB).

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

23 JUN 2024